

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANGTAHUN KE-15 SYARIKAT  
SAPURA HOLDINGS SDN BHD

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC)

TARIKH: 30 OCT 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Tan Sri Shamsuddin Kadir,  
Pengerusi Eksekutif Sapura;  
Dif-dif kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Syarikat Sapura kerana menjemput saya ke majlis makan malam ini. Kepada semua pegawai dan kakitangan, saya mengucapkan selamat menyambut ulangtahun ke-15 syarikat ini dan berharap semoga sambutan ini akan merapatkan lagi hubungan di antara pihak pengurusan dengan kakitangan syarikat ini untuk menuju ke arah kemajuan syarikat. Saya mengucapkan tahniah kerana syarikat ini adalah satu-satunya syarikat bumiputera yang maju dalam bidang telekomunikasi moden.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sewaktu kerajaan melancarkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 dengan tujuan mengimbangkan pencapaian bumiputera dengan bukan bumiputera, masyarakat bumiputera dan juga perancang-perancang ekonomi mempunyai pemikiran yang agak simple, iaitu yang diperlukan hanyalah pemilikan 30% punca ekonomi oleh bumiputera. Untuk ini kek ekonomi hendaklah dibesarkan dengan cepat dan sejurai atau sekeping ditentukan untuk dimiliki oleh bumiputera.

3. Soal sama ada pemilikan itu akan kekal atau sebaliknya tidak difikir sebagai satu masalah atau perkara yang penting. Justeru itu berbagai-bagai dasar dan rancangan dibuat untuk menentukan bahagian 30% ini diperolehi.

4. Analisa yang diasaskan kepada pengalaman yang tidak meluas mengenalpasti masalah-masalah bumiputera adalah kekurangan modal, kekurangan peluang, kekurangan tempat dan kekurangan lesen. Dengan analisa ini maka peruntukan dibuat oleh kerajaan supaya kekurangan yang dikenalpasti itu diatasi. Walaupun mungkin kerajaan tidak dapat menyelesaikan semua masalah tersebut bagi semua bumiputera yang memasuki bidang perniagaan dan perusahaan, tetapi ramai di kalangan bumiputera yang mendapat bantuan dan sokongan yang penuh pun jarang sekali mencapai kejayaan yang diharapkan. Hanya beberapa orang sahaja yang benar-benar berjaya; sementara yang lainnya berjaya buat sementara sahaja. Dan ramai pula yang mengalami nasib yang lebih

buruk setelah mendapat bantuan dan sokongan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Ini berlaku kerana dalam keghairahan memasuki bidang komersial, ahli-ahli perniagaan bumiputera tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada etika perniagaan dan pengetahuan pengurusan, terutama pengurusan kewangan. Sebab itu ramai yang dahulu tidak menanggung sebarang hutang telah berhutang banyak sehingga tidak berupaya membayar balik. Mereka ini menuntut supaya diberi projek tambahan untuk membayar hutang. Tetapi pendekatan ini kerap kali hanya meningkatkan tanggungan hutang mereka.

5. Apabila kemelesetan ekonomi berlaku, bahkan sebelum daripada itu, ramai yang menjadi bankrap. Daripada bumiputera yang tidak berada tetapi tidak mempunyai tanggungan hutang, mereka menjadi orang yang menanggung hutang yang tidak mungkin dibayar dan ada yang terus bankrap.

6. Bagi mereka ini Dasar Ekonomi Baru hanya membawa nasib yang lebih malang. Mereka mengutuk kerajaan, pegawai kerajaan, dasar kerajaan, bank, orang bukan bumiputera, orang asing, kemelesetan, politik, penyelewengan dan seribu satu sebab yang lain. Ramai juga yang membuat keputusan untuk menukar kepimpinan kerajaan dengan orang-orang yang berjanji akan menghapuskan hutang mereka dan memberi projek untuk mereka menjadi kaya.

7. Bahawa ada kemungkinan mereka sendiri bersalah jarang terlintas di fikiran mereka ini. Bahkan kebanyakan daripada bumiputera amnya enggan memikirkan bahawa ada kelemahan-kelemahan pada diri mereka yang menyebabkan mereka gagal dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Dan selagi kaum bumiputera tidak sanggup mengenali kelemahan diri sendiri dan membetulkannya, selama itulah kita akan kecewa dalam mengejar kejayaan ekonomi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Kejayaan sesuatu kaum atau bangsa tidak bergantung kepada warna kulit, atau keturunan, atau agama atau iklim atau alam sekitar atau kaum lain. Ia bergantung kepada kebudayaan dan nilai hidup kaum atau bangsa itu. Jika sistem nilai yang diamalkan oleh sesuatu bangsa itu tidak sesuai dengan kejayaan, maka tidak mungkin bangsa itu berjaya.

9. Ini tidak bermakna sesuatu bangsa tidak mungkin berjaya selama-lamanya kerana kebudayaannya tidak mengizinkan. Kebudayaan sesuatu bangsa itu tidak sama sepanjang masa. Ia berubah dengan sendirinya dan ia juga boleh diubah dengan sengaja. Sebenarnya orang Melayu di zaman ini mempunyai budaya yang telah mengalami pertukaran berbanding dengan budaya Melayu semasa kita mencapai kemerdekaan, dan orang Melayu di zaman itu pula tidak sama dengan orang Melayu yang membenarkan negara mereka dijajah. Perubahan kebudayaan berlaku sepanjang masa dengan tidak disedari.

10. Antara pengaruh yang boleh mengubah kebudayaan dengan

sengaja ialah pendidikan. Jika hari ini orang Melayu berjaya menyesuaikan diri dengan dunia moden, sebabnya ialah kerana peningkatan pengetahuan melalui pendidikan. Tetapi penekanan yang diutamakan dalam pendidikan tidak termasuk pembentukan sistem nilai yang boleh menjayakan mereka dalam masyarakat komersial. Dengan lain-lain perkataan, sementara ilmu tertentu ditambah, kebudayaan terdedah kepada pengaruh yang tidak mungkin dapat dikawal dalam zaman informasi ini. Tanpa satu usaha yang tersusun untuk membentuk kebudayaan yang baik, segala pengaruh yang buruk atau yang tidak berguna diserap dan menjadi sebahagian daripada kebudayaan orang Melayu dan bumiputera seperti yang berlaku sekarang.

11. Soal-soal ini mestilah diberi perhatian oleh masyarakat. Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada pembentukan nilai-nilai yang diasaskan kepada nilai Islam yang memang berjaya membentuk umat Islam yang berjaya semenjak di zaman permulaan Islam. Jika umat Islam sekarang ini mundur, berpecah dan sering meminta-minta walaupun kaya, sebabnya ialah nilai Islam lebih disebut daripada diamalkan dan nilai-nilai ini sendiri telah ditafsirkan oleh orang-orang tertentu untuk kepentingan diri mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Saya berharap apabila kerajaan berusaha untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi yang boleh mengimbangkan kedudukan Melayu dan bumiputera dengan kaum-kaum lain, rakyat bumiputera akan memberi kerjasama dan sokongan. Orang-orang tertentu tetap akan mengambil kesempatan untuk memajukan kepentingan politik mereka, tetapi sebaliknya diharapkan rakyat akan tahu sebab-sebabnya mereka membuat pendirian tertentu.

13. Sementara itu, kita bolehlah berbangga dengan kejayaan-kejayaan bumiputera yang telah dicapai semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Di sini ingin saya mengingatkan bahawa pengetahuan membuat sesuatu barang tidak semestinya bermakna kejayaan daripada segi perniagaan. Sebab itu saya berbangga dengan kejayaan Sapura, yang bukan sahaja dapat mencipta dan membuat alat-alat telekomunikasi yang moden tetapi juga berjaya meraih keuntungan daripadanya.

14. Kerjasama Sapura dengan agensi penyelidikan kerajaan seperti MIMOS menolong bukan sahaja Sapura tetapi juga bidang penyelidikan keseluruhannya. Kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang untuk usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan atau R&D, walaupun kita tidak perlu selalu original dalam mencipta sesuatu. Sebenarnya meniru teknologi orang lain adalah amalan biasa yang dibuat oleh semua negara industri moden.

15. Demikian juga kerjasama dengan orang asing yang memiliki teknologi tidak bermakna kita tidak mampu membuat atau mengurus sesuatu itu sendiri. Proses pemindahan teknologi dan pengurusan moden akan mengambil masa. Kita harus bersabar dan tidak terlalu cepat menuduh rakan-rakan kongsi. Dengan kesabaran akhirnya kita akan memperolehi

kecekapan yang diperlukan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sekarang Sapura sedang menjual sahamnya kepada orang ramai. Syarikat milik sendiri dengan syarikat awam amat berbeza. Saya percaya pengurusan Sapura bersedia untuk menghadapi iklim syarikat awam dengan jayanya. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada peralihan Sapura kepada syarikat awam.

17. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Sapura Holdings kerana menjemput saya ke majlis ini. Sempena sambutan ulangtahun ini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Shamsuddin kerana berjaya menerajui sebuah syarikat yang maju. Saya berharap kakitangan syarikat ini akan bertekad untuk memajukan syarikat ini, yang bukan sahaja sebuah syarikat bumiputera tetapi juga adalah sebuah syarikat telekomunikasi yang besar di negara kita.

Wasalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.